

Kes gadis lari ikut kekasih kian serius



»Kajian dapati konflik dalam keluarga dorong remaja keluar rumah

Oleh Poliana Ronnie Sidom
poliana@bh.com.my

8H 25.12.2013 13
► Sandakan

kut kekasih dikenal pasti antara penyumbang kes lari dari rumah dalam kalangan remaja perempuan di negara ini.

Ia berdasarkan kajian pakar dalam dan luar negara, yang mendapati penyumbang utamanya disebabkan konflik dalam keluarga.

Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Murnizam Halik, berkata kejadian lari dari rumah kerana mengikut kekasih menunjukkan aliran yang semakin mem-

bimbangkan.

“Kes lari rumah sering berlaku dalam kalangan remaja dan banyak faktor mendorong mereka berbuat demikian. Sebahagian besar kajian mengetahui pasti konflik dalam keluarga sebagai penyebab paling tinggi.

“Ada yang lari terutama remaja bukan sebab dipukul ibu bapa, tetapi cuba keluar daripada masalah.

“Mereka terlalu takut dan beremosi sehingga mengambil keputusan lari rumah kerana tahu mereka akan dihukum atas sesuatu kesalahan,” katanya ketika dihubungi BH.

Pengaruh media sosial

Murnizam berkata, kewujudan pelbagai media sosial kerana kemajuan teknologi yang mendedahkan remaja kepada pelbagai kesan jika tidak digunakan dengan betul, sedikit sebanyak mempengaruhi tindakan remaja terutama yang gemar memberontak.

Sehubungan itu, katanya, kepekaan dan peranan ibu bapa penting dalam menangani

isu lari rumah, sekali gus membendung jenayah lain.

“Ibu bapa perlu lebih sensitif terhadap kemauhan anak mereka dan faham masalah dihadapi.

Termakan pujuhan cinta

“Kadangkala apa yang difikirkan ibu bapa tidak seperti remaja dan ada masa dianggap penting bagi remaja, tetapi tidak bagi ibu bapa,” katanya.

BH sebelum ini melaporkan, 442 wanita di Sabah kebanyakannya gadis sunti dilaporkan hilang sejak tiga tahun lalu dengan kebanyakan kes lari dari rumah kerana termakan pujuhan cinta kekasih.

Perangkaan Polis Sabah menunjukkan 660 orang hilang direkodkan sejak 2011 hingga September lalu termasuk gadis sunti yang masih bersekolah rendah.

Murnizam berkata, ramai penyelidik berpendapat sebahagian besar kes lari dari rumah atau hilang terutama di luar bandar tidak dilaporkan kepada polis kerana kurang

“
Mereka terlalu takut dan beremosi sehingga mengambil keputusan lari rumah kerana tahu mereka akan dihukum atas sesuatu kesalahan”

**Dr Murnizam Halik,
Dekan Sekolah Psikologi
dan Kerja Sosial UMS**

kesedaran dalam kalangan ibu bapa.

“Ada kemungkinan banyak kes lari rumah atau orang hilang dulu tidak dilaporkan kepada polis kerana ibu bapa tidak sedar bahayanya dan kita percaya keadaan ini masih berlaku terutama di luar bandar,” katanya.